

**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

MUZAKARAH SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

TARIKH: 9 JAMADIL AWAL 1438 / 6 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

MASA: 9.30 PAGI

TEMPAT: AMAN JAYA CONVENTION CENTRE, IPOH.

“Mengakar Kuat Umat Melayu, Menjulang Tinggi Islam”

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ

الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ

بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah kali ini, telah memilih tema **“Mengakar Kuat Ummah Melayu, Menjunjung Tinggi Islam”**; tema yang merangkaikan penganut dengan agamanya, bertujuan menziarahi salah silah akar bangsa yang perlu diperkukuhkan, dalam hasrat memenuhi amanah menjunjung seruan ILAHI. Melayu adalah satu rumpun bangsa yang besar. Melalui perdagangan dan penghijrahan, rumpun Melayu itu telah merentasi kawasan geografi yang amat luas, mengembara jauh di luar gugusan kepulauan Melayu. Alam Melayu itu merentasi kawasan geografi yang luas dari Filipina ke Madagascar, dengan saiz komuniti berjumlah 350 juta orang.

2. Bilakah istilah Melayu mula dikenali. Para penyelidik mula menemui istilah ‘MO-LO-YU’ dalam rekod-rekod di China yang merujuk kepada wilayah Jambi, Sumatera Timur, yang ketika itu berada di bawah naungan pemerintahan Kerajaan Srivijaya.¹ Perkataan Melayu masih kekal di sebuah sungai di Jambi, kawasan yang disifatkan sebagai salah satu tapak arkeologi terpenting di Sumatera dengan penemuan serpihan-serpihan candi, koleksi patung dan seramik berusia daripada abad kesebelas hingga abad keempat belas.² Di Palembang, yang diterima sebagai pusat pentadbiran Srivijaya antara abad ketujuh hingga abad kesebelas,

¹ G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, (Honolulu: East-West Centre Press, 1968) 79-80.

² Anthony Milner, *The Malays*, (West Sussex: Wiley-Blackwell, 2008), 18.

turut terdapat sebatang sungai bernama Melayu.³ Palembang lebih dikait rapat dengan sejarah Melayu di negara ini, kerana Kesultanan Melaka yang dihikayatkan berasal dari Palembang telah mencipta era kegemilangan bangsa Melayu pada abad kelima belas. Berkemungkinan disebabkan berlakunya dominasi Melayu setelah kejatuhan Srivijaya; pada abad keenam belas, Portugis lebih mengaitkan Melayu dengan Semenanjung daripada Sumatera.⁴

3. Penemuan-penemuan arkeologi menunjukkan orang Melayu dan negara Melayu di bumi ini telah wujud lebih awal daripada Melaka, bertapak di Lembah Bujang, Kedah, seribu tahun sebelum Parameswara membuka Melaka pada tahun 1400 Masihi.⁵ Tamadun Melayu Lembah Bujang adalah tamadun tinggi yang diasaskan dan dibina oleh orang Melayu sendiri, berlandaskan ekonomi perdagangan maritim antarabangsa.⁶ Gangga Negara diikuti kemudiannya dengan kerajaan Melayu Beruas di Perak telah wujud sejak abad kedua Masihi dan berakhir pada kurun kesebelas Masihi. Berpandukan artifak-artifak yang ditemui, disimpulkan bahawa Pengkalan (Ipoh), Lembah Kinta, Tanjung Rambutan, Bidor dan Sungai Siput merupakan sebahagian daripada Gangga Negara, dinamakan Kerajaan Beruas selepas bertapaknya Islam.⁷

³ F.M. Schnitger, *Forgotten Kingdoms in Sumatra*, (Singapore: Singapore University Press, 1989), 6.

⁴ Anthony Milner, *The Malays*, 86.

⁵ Affifudin Haji Omar, MELAYU: *Permasalahan Political-Economynya Sepanjang Zaman*, (Kuala Lumpur: Afif Books Sdn.Bhd., 2014), 2.

⁶ Ibid, 3.

⁷ <https://en.wikipedia.org> 'wiki' Gangga.

Penemuan-penemuan ini menunjukkan Islam telah sampai ke Tanah Melayu lebih awal daripada pengislaman Sultan Melaka; Raja Kedah Ketujuh, Phra Ong Mahawangsa dicatatkan telah memeluk Islam pada tahun 1136, mengambil nama Islam Sultan Muzafar Shah, hampir tiga abad sebelum Melaka dibangunkan.⁸

4. Pemerintahan berpaksikan tatanegara Islam berlangsung di Perlak, Semudra, Aru, Pasai, Melaka dan Brunei, dan Raja Pemerintah menggunakan gelaran Sultan.⁹ Setelah memeluk Islam, Sultan Melaka telah menitahkan seluruh rakyat memeluk Islam.¹⁰ Pengubahsuaian pantas berlaku dalam sistem pemerintahan. Konsepsi lama yang menganggap Raja sebagai penjelmaan Tuhan di bumi, status yang meletakkan Raja sama taraf dengan Tuhan, beralih kepada konsepsi bahawa Raja adalah bayangan ALLAH di muka bumi (*zillullah fi al-Ard*).¹¹ Hubungan batiniah Raja dengan para dewata ditinggalkan, di sebaliknya talian spirituil dirangkaikan dengan ALLAH dan Rasul serta kekudusan para aulia dan para anbia.¹² Berpandukan konsepsi baru ini, Raja hanya bertaraf wakil atau khalifah di bumi dengan sifat-sifat kemanusiaan. Kuasa Raja disandarkan dengan hukum kerana

⁸ Affifuddin Haji Omar, 12.

⁹ Anthony Milner, *The Malays*, 40.

¹⁰ Richard Winstedt (ed), *The Malay Annals; or Sejarah Melayu*. (JMBRAS, 16, 1938), 84.

¹¹ Abdullah Alwi Hassan, "Perkembangan Institusi Pentadbiran Islam di Malaysia", kertas *Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia*. (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 16-18 Ogos 1994), 1.

¹² Muhammad Yusoff b. Hashim, "Kesultanan Melaka dan Budaya Politik", dalam *Polemik Sejarah Malaysia Jilid 1*. (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008), 192.

Raja juga tidak boleh mengingkari tuntutan syarak. Kemuliaan Raja dinilai daripada sudut amal makruf baginda menyempurnakan tanggungjawab, lantas menginsafkan Raja bahawa kuasa pemerintahan adalah amanah ILAHI yang sama sekali tidak boleh disalahguna. Raja wajib menjunjung amanah pemerintahan dengan melaksanakan keadilan untuk kesejahteraan rakyat mengikut hukum yang telah ditetapkan oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala.¹³

5. Bermulalah era kegemilangan Kerajaan Melayu. Pada awal abad kelapan belas, bangsa Melayu digambarkan oleh penulis-penulis barat, tersangat halus budi bahasanya hingga diiktiraf sebagai bangsa yang paling santun di dunia sebelah Timur.¹⁴ Pada pertengahan abad kesembilan belas, Alfred Russel Wallaca menyifatkan para bangsawan Melayu teramat halus santun dan budi pekertinya.¹⁵ Ulasan-ulasan yang tercatat pada abad ketujuh belas dan kelapan belas menunjukkan Bahasa Melayu bertulisan jawi beraksara Arab, adalah satu lagi lambang keagungan Kesultanan Melayu, bertaraf bahasa ilmu di Asia Tenggara, setaraf dengan bahasa Latin dan bahasa Perancis di Eropah; dan di dunia

¹³ T. Arnold, The Caliphate, (Karachi: Oxford University Press, 1965) 50, S.N.H. Naqwi, Ethics and Economy: An Islamic Approach, (Leicester: Islamic Foundation, 1981), 45-47.

¹⁴Anthony Milner, The Malays, 69.

¹⁵ Alfred Russel Wallace, The Malay Archipelago, (New York: Dover, 1962), 448.

sebelah Timur, mereka yang tidak menguasai bahasa Melayu dianggap insan kurang luas tahap pengajiannya.¹⁶

6. Risalah Islam memberikan impak besar kepada jiwa dan minda masyarakat Melayu. Islam mengisi kandungan rohani, begitu serasi – begitu sehati dengan jiwa dan budaya Melayu. Ajaran Islam diterima pakai sebagai asas yang mutlak dalam kehidupan umat Melayu di Malaysia. Islam mengubah anutan agama Melayu kepada satu agama wahyu yang ditanzilkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.¹⁷ Proses pengislaman di alam Melayu berlangsung dalam masa yang singkat dan merupakan tenaga terkuat yang mencorakkan kepercayaan, nilai dan sikap masyarakat.¹⁸ Ajaran Islam cepat menyerap di kalangan umat Melayu kerana Islam merupakan satu keratan lapisan yang diletakkan atas sistem kepercayaan yang sedia wujud, memperlihatkan kebijaksanaan umat Melayu melakukan asimilasi, menyesuaikan sistem kepercayaan lama dengan yang baru.¹⁹

7. Islam memberi dimensi baru kepada minda Melayu, mencetuskan satu revolusi pemikiran di kalangan umat, berupaya

¹⁶ Anthony Milner, *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, (Tucson: University of Arizona Press for the Association for Asian Studies, 1982), 3.

¹⁷ A.Aziz Deraman, *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia: Suatu Analisis Perkembangan Kebudayaan di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 109.

¹⁸ *Ibid*, 105.

¹⁹ *Ibid*.

menyemai nilai dan semangat keagamaan yang luhur. Berpalinglah pandangan hidup umat Melayu, gugur daripada singgahsana alam seni dan mitos yang khayal, berpindah ke alam akal dan budi yang menuntut kepada gaya tertib yang lebih teratur, berjaya membina daya rasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja di kalangan istana dan keraton malah lebih merebak di kalangan rakyat jelata, mengangkat adab dan susila serta kesedaran terhadap kemuliaan insan dan keagungan Tuhan.²⁰ Islam telah merobah bukan sahaja struktur zahir masyarakat Melayu malah turut menyentuh struktur batinnya hingga sampai ke jiwanya.²¹ Islam terbukti telah memperkenalkan peradaban baru.

8. Islam dan Melayu adalah tunggak utama di Tanah Melayu. Undang-undang Islam diguna pakai untuk mentadbir negeri-negeri di Tanah Melayu. Kerajaan Melaka mengkanunkan *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* berdasarkan hukum syarak; di negeri Perak, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan* digubal berdasarkan prinsip hukum syarak, sementara negeri-negeri Terengganu, Kelantan dan Kedah menyerap pengaruh Islam dalam pentadbiran kerajaan masing-masing.²²

²⁰ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), 19-20.

²¹ Ibid.

²² Mahamad Nasir bin Desa, "Kekebalan Islam Dalam Perlembagaan Persekutan", *Wacana Ilmiah, IJIM*, 2009, 1.

9. Pemerintahan Barat di Gugusan Kepulauan Melayu bermula dengan Portugis, diikuti untuk tempoh lebih lama di bawah kuasa pemerintahan Belanda dan Inggeris. Selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis, kerajaan-kerajaan Melayu di Tanah Melayu meneruskan tradisi pemerintahan beraja berlandaskan undang-undang Islam sehingga munculnya penglibatan Inggeris dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu. Inggeris telah memisahkan urusan pentadbiran negeri dengan agama Islam.

10. Pemerintahan Barat membawa perubahan fizikal yang amat ketara dengan pembangunan bandar, serta pelbagai sistem perhubungan selain daripada jalan raya dan kereta api. Perubahan lebih besar yang telah merombak dan menghakis tatanegara pemerintahan Melayu ialah perkara-perkara berkaitan struktur kerajaan, ekonomi, perdagangan, pendidikan, penulisan, hiburan dan rekreasi. Dasar imigrasi pemerintahan barat telah merubah demografi penduduk secara ketara.

11. Perubahan demografi yang berlaku begitu mendadak telah mencetuskan rasa bimbang lalu membangkitkan satu kesedaran di kalangan orang Melayu. Orang-orang Melayu mula menyuarakan kebimbangan bahawa bangsanya semakin terpinggir di tanah air

warisan nenek moyang.²³ Pada 5 Disember 1907, wartawan Utusan Melayu, Mohd Eunus Abdullah menulis tentang kaedah yang digunakan untuk mengusir bangsa Melayu daripada buminya sendiri.²⁴ Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada awal abad kedua puluh menzahirkan kekesalan akan sikap alpa para nenda dan moyanganda baginda, kerana berminda di bawah tempurung, gagal melihat dan memikirkan perkara lebih jauh daripada apa yang berada di hadapan mata.²⁵ Wartawan dan tokoh politik Ibrahim Yaakob dalam tahun 1941, menyuarakan perasaan bangsa yang diasak dan ditindas akibat pembanjiran modal asing, barangan asing dan tenaga kerja asing sementara anak tempatan semakin ramai yang menganggur.²⁶

12. Za'aba mencemuh penekanan sempit terhadap istilah bangsa, dan mengisytiharkan pendirian beliau yang tertarik kepada konsep kemuliaan Islam yang lebih luas, merangkumi pelbagai keturunan sama ada Jawa, Cina atau Benggali. Sayyid Shasykh Al-Hadi dalam tulisannya pada tahun 1931 merujuk masyarakat Melayu sebagai "Masyarakat Islam di Semenanjung Tanah Melayu".²⁷ Pada era ini, terdapat elemen pertemuan dan

²³ Virginia Matheson Hooker, *A short history of Malaysia: Linking East and West*, (Crows Nest: Allen and Unwin, 2000), xv

²⁴ *Utusan Melayu*, 5 Disember 1907.

²⁶ Hugh Clifford, *Bushwacking and Other Asiatic Tales and Memories*, (London: Heinemann, 1929), 218

²⁶ Anthony Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya*, (Cambridge: Cambridge University Press, 2002), 119.

²⁷ Anthony Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya*, 230.

pertembungan di kalangan mereka yang menggerakkan reformasi berasaskan agama, dengan mereka yang bertiangkan bangsa.²⁸

13. Pemikiran untuk melahirkan satu komuniti Melayu yang lebih luas dan bersatu telah tercetus sejak zaman Munshi Abdullah, dihidupkan oleh Mohd Eunus Abdullah, Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Yaacob dan terus dipertingkatkan dengan gerakan yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar.²⁹ Dato' Onn secara terbuka memberikan pengiktirafan menerima orang-orang keturunan Jawa, Sunda dan keturunan-keturunan lain di Nusantara, merangkumi kemudiannya keturunan India dan Arab sebagai Melayu.³⁰ Tafsiran Melayu diperluaskan apabila semangat persaudaraan Islamiah semakin dihayati, malah turut lahir pemikiran-pemikiran lebih radikal berkonsepkan *Melayu Raya* dan *Indonesia Raya*.

14. Sekam kebimbangan bangsa yang mula membakar akibat berlakunya perubahan demografi yang begitu mendadak telah menyalakan rimbun api yang lebih besar berikutan muslihat Harold MacMichael memerangkap Raja-Raja Melayu untuk memberikan perkenan menubuhkan Malayan Union. Pelbagai pertubuhan Melayu yang berasaskan suku kaum, daerah dan negeri,

²⁸ Anthony Milner, *The Malays*, 143.

²⁹ Anthony Milner, *The Malays*, 153.

³⁰ Ariffin Omar, *Bangsa Melayu. Malay Concepts of Democracy and Community 1945-50*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1993) 119.

bergabung tenaga, bergerak sebagai sebuah organisasi menentang rancangan Malayan Union hingga menghasilkan satu ikatan baru di antara Raja Pemerintah dengan rakyat jelata yang gigih berusaha memformulasikan satu kesatuan bangsa bernama MELAYU. Slogan 'HIDUP MELAYU' diperkenalkan dalam gerakan menentang penubuhan MALAYAN UNION. Orang Melayu yang kesetiaan mereka sebelum ini berpaksikan Sultan di negeri masing-masing, telah bersatu dengan semangat perjuangan berpaksikan bangsa. Istilah *derhaka* yang untuk sekian lamanya hanya digunakan terhadap perbuatan menentang Sultan, diaplikasikan oleh Dato' Onn terhadap mereka yang tidak setia kepada bangsa.³¹ Istilah Melayu sebagai satu rumpun bangsa di bumi Semenanjung mendapat pengiktirafan Raja Pemerintah apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menzahirkan titah menggunakan istilah "*KITA ORANG MELAYU BUKANNYA NEGARA HAMBA ABDI*";³² dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak menzahirkan kata-kata, "*KITA ORANG MELAYU TIDAK HARUS KEHILANGAN AMALAN ADAT DAN AGAMA YANG AMAT BERHARGA*".³³

15. Bangsa Melayu di Tanah Melayu berjaya disatukan, memecah dinding suku kaum, daerah dan negeri. Konsep Melayu

³¹ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981), 304.

³² Ariffin Omar, *Bangsa Melayu. Malay Concepts of Democracy and Community 1945-1950*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1993), 104.

³³ T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, (Cambridge: Cambridge University Press, 1999), 343.

di dalam Perlembagaan tidak tertumpu secara khusus kepada istilah bangsa atau kaum, membolehkan di Malaysia, pelbagai keturunan dan kaum dapat diresapkan sebagai Melayu berpandukan takrif Melayu yang terkandung dalam Fasal 160 Perlembagaan Persekutuan; bahawa Melayu itu ialah, seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap Bahasa Melayu dan menurut adat istiadat Melayu. Takrif tersebut telah memperlihatkan sifat penerimaan lebih fleksibel untuk berada dalam klasifikasi bangsa Melayu di bumi ini. Pada masa yang sama, wajib diingati, Melayu yang hanya memiliki agama Islam, bahasa dan budaya Melayu, tanpa wilayah, akan menghampiri nasib orang Palestin di bumi Palestin. Satu perkara yang tidak harus diabaikan bahawa Melayu di bumi ini, tidak sekadar bangsa, bahasa dan adat, tetapi lebih penting ialah wilayah kedaulatannya, bumi Semenanjung Tanah Melayu, bumi yang diterokai pada asalnya oleh tulang empat kerat orang Melayu, memudik sungai, mendaki gunung, memugar hutan membuka ladang. Atas kesedaran agar bumi dipijak tidak menjadi milik orang, atas kebimbangan agar peribumi jangan nanti merintis sendiri, Raja-Raja Melayu pada 5 Ogos 1957, ketika menyerahkan kedaulatan kuasa pemerintahan negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah menggariskan tujuh perkara sebagai wasiat penting, demi menjamin orang Melayu tidak berdagang di bumi sendiri.

16. Kemerdekaan Negara menyuntik tenaga baru kepada bangsa. Orang Melayu menebus semula kuasa dan hak yang telah dirampas daripada bangsanya. Keyakinan bangsa dibina semula. Dalam Hikayat Abdullah, Munshi Abdullah memberikan peringatan bahawa manusia itu ibarat pokok; pendidikan yang diterima semasa hayatnya akan menentukan buah yang bakal dihasilkan. Program pendidikan membangunkan insan, diberikan perhatian. Anak-anak Melayu yang jauh ketinggalan dan tersisir semasa era penjajahan, diberikan perhatian melalui pelbagai pendekatan, membina sekolah di luar bandar, memperbanyakkan sekolah berasrama penuh, serta membangunkan maktab, kolej dan universiti, dilengkapi dengan peruntukan biasiswa supaya kemiskinan kewangan tidak menjadi penghalang kepada anak-anak miskin untuk mendaki tangga pengajian .

17. Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan dalam tahun 1971 telah memberikan suntikan sakti berupaya mengubah rupa bentuk dan keyakinan diri orang Melayu secara lebih radikal. Pendidikan merupakan program paling berjaya mengubah nasib orang Melayu. Kemasukan anak Melayu yang ramai ke institusi pengajian tinggi telah mengubah bidang pekerjaan anak Melayu, beralih daripada menjadi petani dan nelayan di desa, drebar dan peon di bandar, penjaga stor dan kerani di pejabat, kepada pegawai pertengahan, pegawai atasan dan pegawai tinggi, bermula dalam sektor awam,

dan kemudiannya turut menjelma dalam sektor swasta. Gadis Melayu yang menjangkau usia lima belas tahun, tidak lagi terkurung di ruang dapur, menantikan tepak sirih pinangan, tetapi menyambung pelajaran untuk menguasai pelbagai kemahiran, melangkah tapak demi tapak dalam pelbagai bidang kerja, di peringkat awal sebagai telefonis, jurutrenkas, kerani, jururawat dan guru, kemudiannya memperlihatkan pencapaian lebih besar, bukan sekadar setanding dengan lelaki tetapi pada hari ini telah mencipta kejayaan yang semakin meninggalkan lelaki berada di belakang. Berlaku migrasi orang Melayu secara besar-besaran ke bandar-bandar.

18. Produk Dasar Ekonomi Baru tidak hanya dinikmati oleh individu dan keluarga tetapi memberi satu rasa keyakinan dan kemegahan baru kepada orang Melayu. Dasar Ekonomi Melayu tidak sekadar memberikan ruang lebih besar kepada penyertaan Melayu dalam arus pembangunan perdana tetapi anak Melayu yang majoritinya berasal dari desa, membawa bersamanya, adab tertib bangsa dan amalan murni Islam yang kukuh diasuh dan disemai oleh institusi keluarga dan institusi masyarakat. Mereka didewasakan dengan akar bangsa yang kuat dan tunjang agama yang kukuh. Mereka membanjiri kelas menengah Melayu, berjawatan tinggi, terutama dalam sektor awam serta memiliki pengaruh. Mereka melakukan transformasi budaya, baik di dalam

sekolah, di pusat pengajian tinggi, di tempat kerja begitu juga di persekitaran tempat tinggal. Mereka menjadi duta menyuntik elemen-elemen budaya Melayu dan nilai-nilai Islam di dalam tatacara kerja dan di tempat kerja serta memperkenalkan budaya bersosial berlandaskan budaya bangsa dan nilai agama. Sedikit demi sedikit program yang dipinjam daripada budaya barat diubahsuai untuk memberi laluan kepada program-program bernilai Islam.

19. Program meraikan kemasukan pelajar baru di Universiti beralih dari *ragging*, nyanyian, hiburan dan berdansa kepada *program orientasi* yang dipenuhi dengan sembahyang berjemaah, qiamullail, usrah dan tazkirah. Daripada sekolah dan universiti, nilai-nilai Islam diserapkan ke dalam perkhidmatan awam, perguruan, polis, tentera, kehakiman hingga ke Istana Raja. Bilangan jemaah bersolat Jumaat di bandar jauh lebih ramai daripada bilangan jemaah di masjid-masjid desa. Bukan sahaja bilangan jemaah di bandar telah mengatasi bilangan jemaah di desa, malah kenderaan yang menyesakkan persekitaran dan laluan ke masjid pada setiap tengah hari Jumaat, melukiskan gambaran, latar belakang ekonomi dan latar belakang sosial sebahagian daripada jemaah. Anak muda Melayu akan terus berhijrah ke bandar, dan penduduk desa bukan sahaja bertambah kecil, malah yang masih kekal di desa berada dalam usia tua.

20. Ummah memberikan cerminan dan gambaran terhadap sesuatu agama. Imej dan status sesuatu agama tidak sekadar bergantung kepada bilangan penganutnya, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor-faktor yang merangkumi pencapaian, kejayaan, kemajuan, kekayaan, modal intelek dan kebijaksanaan para penganutnya. Status intelek, status sosial dan status ekonomi penganut, akan mempengaruhi persepsi dunia terhadap sesuatu agama.

21. Islam adalah agama yang kedua terbesar penganutnya di dunia. Kajian *Pew Research Centre* dalam tahun 2015, mencatatkan dua puluh tiga peratus penduduk dunia, dengan bilangan 1.7 bilion orang menganut Islam. Kajian badan berkenaan dalam tahun 2010, mendapati lima puluh negara di dunia mempunyai penduduk majoriti Islam. Tiga negara yang mempunyai bilangan penduduk Islam terbesar, di dunia ialah Indonesia; 87.7 peratus penduduk Indonesia, mencecah bilangan 205 juta orang menganut Islam, merupakan 12.7 peratus daripada umat Islam sedunia, diikuti dengan 178 juta umat Islam di Pakistan, merupakan 96.4 peratus penduduk Pakistan dan 11 peratus penduduk Islam sedunia. India memiliki bilangan umat Islam ketiga terbesar di dunia, dengan 172 juta penganut merupakan 10.9 peratus penduduk Islam sedunia tetapi di India, bilangan tersebut meletakkan penganut Islam sebagai golongan minoriti yang

merupakan hanya 14.2 peratus daripada penduduk India. Kajian yang sama menunjukkan terdapat 17.2 juta umat Islam di Malaysia, merupakan 61.4 peratus penduduk negara, dan umat Islam di Malaysia hanyalah 1.1 peratus daripada jumlah umat Islam sedunia.

22. Kuantiti yang besar hanya akan memberi makna jika dapat disusuli dengan kualiti yang tinggi. Meskipun umat Islam di Malaysia hanya berjumlah 1.1 peratus penduduk Islam di dunia, Malaysia senantiasa dijadikan sebutan sebagai negara Islam yang moden, maju, aman, makmur dan moderat. Kepimpinan Islam di Malaysia di pandang tinggi. Kebijaksanaan pemimpin Melayu melaksanakan program-program pembangunan ummah dan pembangunan negara mendapat pengiktirafan di serata dunia. Putera bangsa, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra telah dipilih menjadi Setiausaha Agung pertama kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang diasaskan penubuhannya di Rabat, Maghribi pada 25 September 1969. Program pembasmian kemiskinan melalui pengurniaan tanah kepada rakyat miskin yang diurus secara ladang telah diperkenalkan melalui FELDA; nama-nama putera bangsa Tun Abdul Razak, Taib Andak dan Raja Alias sinonim dengan kisah kejayaan FELDA, diiktiraf sebagai ladang yang terurus secara sistematik yang memberi manfaat besar kepada para peneroka. Seorang lagi putera bangsa, Ungku Abdul Aziz, mengilhamkan idea

penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji, sebuah institusi kewangan Islam yang telah mencapai kejayaan gemilang. Tabung Haji yang diperkenalkan dalam tahun 1963 telah meletakkan asas kepada sistem kewangan Islam di bumi ini, disusuli kemudiannya dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad yang diterajui oleh Dr. Abdul Halim Ismail pada tahun 1983; selanjutnya, *takaful*, konsep insurans berpaksikan Islam turut menyusul. Melalui komitmen Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC) gigih memperkenalkan sistem kewangan Islam di persada dunia. Sistem kewangan Islam kini telah diterima dan diamalkan di peringkat global termasuk di negara-negara bukan Islam, dan Malaysia berada di tempat paling hadapan, memungkinan Malaysia mempelopori penubuhan International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) pada tahun 2009, yang diiktiraf sebagai universiti global kewangan Islam.

23. Kepimpinan Malaysia dalam OIC, FELDA, Tabung Haji, MIFC dan INCEIF adalah antara contoh, antara bukti yang memperlihatkan bagaimana tokoh-tokoh ulung Melayu bersama rakan-rakan seangkatan mereka telah mencetuskan idea dan memberikan sumbangan besar, memperkenalkan program untuk kesejahteraan dan kemajuan ummah, sekali gus menjulang tinggi kehebatan Islam. Sebahagian mereka mungkin tidak berimej ulama, sebahagian mereka mungkin tidak pernah kelihatan menaiki

mimbar untuk menyampaikan khutbah, sebahagian mereka mungkin tidak pernah mengimamkan makmum semasa bersolat atau berdoa, sebahagian mereka mungkin tidak memetik ayat al-Quran atau hadis semasa berucap, namun mereka telah berperanan besar, membantu menampung lompang-lompang kekosongan yang perlu dipenuhi untuk memperlengkapkan Islam dalam menghadapi tuntutan dunia semasa.

24. Untuk merealisasikan Islam sebagai *addin*, ia itu cara hidup yang diredai ALLAH, bangsa hendaklah memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang. Masjid diakui berperanan penting sebagai pusat induk untuk memperkembangkan Islam, tetapi masjid wajib mempunyai pengisian program yang lebih komprehensif. Ulama dan umara wajib bersifat proaktif, menerokai kawasan-kawasan di luar perkarangan masjid, kerana bumi ALLAH ini tidak membatasi kerja-kerja amal makruf dilakukan di dalam perkarangan masjid sahaja. Islam tidak akan dapat dijulung melalui rupa bentuk dan keindahan masjid, jika masjid berfungsi sekadar ornamen hiasan; Islam tidak tersebar luas dengan kemerduan laungan azan yang digemakan dengan alat sia raya yang canggih, jika selepas berhimpun di masjid, bangsa tidak punya jiwa merdeka, bangsa masih mengemis ihsan, bangsa masih berjiwa hamba, bangsa sanggup menjadi abdi kepada harta, pangkat, gelaran dan jawatan

lalu merestui berlakunya kemungkarannya dan gentar menegakkan yang makruf.

25. Orang Melayu di bumi ini memiliki identiti Islam. Identiti Islam itu adalah sebesar-besar kemuliaan di sisi ALLAH, selaras dengan firman yang terkandung dalam ayat 100 Surah Ali Imran yang bermaksud:

“ Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat baik segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada ALLAH (dengan sebenar-benar iman)”³⁴

Seruan yang terkandung dalam ayat tersebut wajib dijadikan pegangan jika orang Melayu terus mahu memimpin dan dihormati, jika orang Melayu berniat mahu menjadi sebaik ummah – menjadi contoh – menjadi teladan untuk dihormati dan di pandang tinggi.

26. Dalam kesyukuran mencipta kejayaan, orang Melayu tidak boleh mengambil ringan perbuatan salah laku sebahagian anak

³⁴ Al-Quran, Surah Ali Imraan (3:110)

bangsanya laksana anai-anai yang boleh meruntuhkan bangsa. Hari ini orang Melayu yang baru mula menikmati sebahagian kecil daripada kejayaan, berbanding dengan kejayaan lebih besar yang dicapai oleh orang lain, semakin menunjukkan sifat-sifat lupa daratan, bagaikan mengulangi budaya kehidupan seperti yang pernah berlaku pada era pra penaklukan Melaka oleh Portugis, menunjukkan sifat yang semakin hanyut dalam perlumbaan kebendaan dan semakin mabuk dilambung gelombang persaingan kuasa. Orang Melayu sedang berada dalam perlumbaan menconteng arang sesama sendiri, masing-masing ghairah menepuk air di dulang dan semakin terpercik ke muka sendiri.

27. Dasar-dasar murni yang digubal untuk membantu Melayu, tidak tercapai sepenuhnya kerana terbukti berlaku ketirisan secara besar-besaran; dibimbangkan kekayaan yang baru berada dalam pegangan Melayu, mungkin berakhir dalam tempoh masa yang singkat selagi orang Melayu lebih tertarik dengan budaya berbelanja mewah (consumption) untuk mencerminkan imej sosial daripada menabung dan melabur untuk membina aset bangsa yang lebih besar (accumulation) bagi jangka masa panjang. Hari ini maruah bangsa semakin diaibkan dengan perbuatan rasuah, pecah amanah, penipuan dan salah guna kuasa. Sewajarnya bangsa berwaspada dengan titik-titik nila yang akan memusnahkan susu

sebelanga, berpandukan peringatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam yang bermaksud:

“Demi ALLAH! Aku tidak bimbang kefakiran yang menimpa kamu, tetapi apa yang aku bimbang ialah apabila dibentangkan dunia, sebagaimana yang telah dibentangkan kepada umat sebelum kamu, lalu mereka merebut kemewahan dunia itu, maka kamu juga akan berebut, sebagaimana mereka, maka kamu akan dibinasakan sebagaimana binasanya umat sebelum kamu”

28. Semasa negara belum merdeka, orang Melayu menyalahkan dasar penjajah. Penjajah telah enam puluh tahun meninggalkan bumi ini. Hari ini orang Melayu tetap dan terus melihat kebanjiran penghijrahan baru baik di ladang mahupun di kilang, baik di tempat rekreasi mahupun di pasar, baik di gedung perniagaan mahupun di kawasan perumahan. Orang Melayu juga wajib berwaspada akan bentuk penaklukan baru yang tidak memerlukan soldadu Portugis, Belanda dan Inggeris melepaskan bedilan meriam dan menaburkan peluru senapang, atau tentera Jepun memotong kepala dengan pedang samurai, penaklukan bentuk baru kini berlaku bersenjatakan kekayaan wang, melalui pembelian dan pemilikan hartanah.

29. Sebelum nasi menjadi bubur, orang Melayu hendaklah kembali mencari hikmat kekuatan. Hikmat kekuatan bangsa tersebut terletak pada agama Islam, agama yang menjadi pegangan bangsa Melayu di bumi ini. Dalam buku terbaru yang dihasilkan, *“On Justice and The Nature of Man”*, Syed Muhammad Naquib Al-Attas telah menghuraikan dua surah, iaitu surah An-Nisa’ dan surah Al-Mu’minun.³⁵ Dalam titah perasmian pelancaran buku tersebut Beta telah cuba meneliti falsafah pemikiran Syed Muhammad Naquib yang mengaitkan keadilan dengan sifat manusia. Beliau menghuraikan aspek-aspek manusia yang terkandung dalam Surah Al-Mu’minun, bahawa manusia ciptaan ALLAH itu adalah unik dan istimewa. Dikatakan unik dan istimewa kerana terkandung kenalurian semula jadi deria keadilan dalam jiwa insan. Beta tertarik dengan falsafah dan konsep keadilan yang dihuraikan oleh Syed Muhammad Naquib dalam mengupas Surah An-Nisa’, seperti berikut:

“Justice is a state of being, a condition of things being in their proper places. It is also a quality of human act, a quality that springs from moral excellence whose source is wisdom. This human act of justice is the act of putting things in their proper places...

³⁵ Sultan Nazrin Shah, “The Keepers of Justice”, *Address at the Book Launch of Professor Syed Naguib Al-Attas, ‘On Justice and The Nature of Man’*, 16.12.2015.

Justice is therefore a reflection of wisdom [;] and right action, which is an act of justice, is also a reflection of wisdom. This right action is *adab* in the complete and universal sense. *Adab* is the discipline body, mind and soul; the discipline that assures the recognition to one's physical, intellectual and spiritual capacities and potentials... The condition that results from *adab* in the sense meant, whether in one's self or in society, is the condition of justice.

Justice [therefore] is the condition of being in the proper place, *adab is* [therefore] the purposeful act by which that condition is actualized.”³⁶

30. Profesor Syed Muhammad Naquib menegaskan dua aspek amat penting ia itu keadilan dan adab. Firman ALLAH Subhanahu Wata'ala dalam ayat 135 Surah An-Nisa' bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana ALLAH biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya ataupun miskin, maka ALLAH lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti

³⁶ Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *On Justice and the Nature of Man: A Commentary on Surah Al-Nisa' (4):58 and Surah Al-Mu'minun (23):12-14*, (Kuala Lumpur: IBFIM, 2015) 13-14.

hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya ALLAH adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan.”³⁷

31. Minda masyarakat Melayu sangat dipengaruhi oleh pemimpin sejak daripada zaman Kerajaan Melayu Melaka. Pemerintahan yang adil lagi saksama berperanan penting dalam menentukan kedaulatan Kerajaan Kesultanan Melayu. Dalam Sejarah Melayu, ditegaskan pemerintahan yang tidak adil adalah punca kepada kejatuhan sesebuah kerajaan.³⁸ Pada era Kesultanan Melayu Melaka, daulat dikaitkan dengan karisma Raja dan tuah Raja, apabila negeri aman, makmur dan kaya raya, tanaman dan tumbuhan subur di ladang, ternakan membiak, rakyat bertambah; maka Raja yang memerintah dianggap bertuah dan tinggi berdaulat.³⁹ Rakyat akan berhijrah dan meninggalkan sesebuah kerajaan atau pemerintahan yang berlaku tidak adil.⁴⁰ Islam amat tegas dalam aspek menegakkan kebenaran dan keadilan dalam pemerintahan. Terkandung dalam kitab *al-Fawaid al-Bahiyah*, tulisan Nuruddin al-Raniri akan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu

³⁷ Al-Quran, Surah An Nisa', (4:135)

³⁸ Cheah Boon Kheng, *The Rise and Fall of the Great Melakan Empire: Moral Judgment in Tun Bambang's Sejarah Melayu*, (JMBRAS, 1998), 111.

³⁹ Muhammad Yusoo b. Hashim, "Kesultanan Melaka dan Budaya Politik" dalam *Polemik Sejarah Malaysia Jilid 1*, (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia: 2008), 189.

⁴⁰ J.M. Gullick, *Indegenous Political Systems of Western Malaya*, (London: Athlone Press, 1988), 43.

Alaihi Wassalam akan peranan dan tanggungjawab seorang Raja; bahawa sehari amalan seorang Raja yang adil, lebih afdal daripada amalan seorang yang beribadat selama enam puluh tahun; bahawa Raja yang zalim atau mengkhianati rakyatnya dan tidak menasihati mereka, tidak akan mencium bau syurga.⁴¹

32. Semasa berlangsungnya, acara pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Syeikh Ahmad bin Muhammad Said Al-Linggi, telah dipilih memimpin bacaan doa; doa yang dirujuk sebagai 'Doa Hari Kemerdekaan'. Syeikh Ahmad, antara lain telah memohon:

“YA ALLAH! Anugerahkanlah taufiq kepada sekalian pentadbir awam, jemaah menteri, para sultan dan raja, serta pemimpin negara bagi memelihara kehendak-kehendak agama, memelihara hak keistimewaan umatnya, menegakkan keadilan dalam undang-undang, berpegang kepada keindahan Islam.”

“YA ALLAH! Jadikanlah mereka agen perubah hal keadaan orang-orang Melayu, agar bangsa ini meningkat maju dan ke hadapan sehingga tercapai cita-cita yang di idam-idamkan.”

⁴¹ Wan Mohd. Nor Wan Daud, *Budaya Ilmu dan Gagasan 1 Malaysia: Membina Negara Maju dan Bahagia*, (Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan BTN, 2010) 42.

“YA ALLAH! Bantulah bangsa Melayu, bimbinglah serta jadikanlah kami menjadi sebaik-baik manusia. Tunjukkanlah kami jalan yang lurus, jalan yang telah Engkau kurniakan kepada umat Islam yang telah menikmatinya, bukan sebagaimana orang yang Engkau murkai dan bukan juga orang yang sesat.”

“YA ALLAH...Harmonikanlah antara kami dan bangsa lain selain kami hingga kami sentiasa dalam keamanan dan keselamatan”

“Ya ALLAH! Jadikanlah bagi kami, kaum yang lain dan negara ini penjaga daripada segala bala, yang menghalang kami dan mereka daripada sebarang pencerobohan...”

33. Perkara yang dipohon dalam doa tersebut menyentuh ulil-amri dan para pemimpin negara, orang Melayu, pemeliharaan hak keistimewaan umat, menegakkan keadilan, pegangan kepada Islam dan keharmonian hubungan antara kaum. Doa tersebut inklusif sifatnya, tidak meminggirkan bangsa lain, selaras dengan realiti yang terkandung dalam ayat 118 dan 119 Surah Hud, bermaksud:

“Dan kalaulah Tuhan mu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus menerus berselisihan.

Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhan mu, (mereka bersatu di dalam agama ALLAH) dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah ALLAH menjadikan manusia..”⁴²

34. Sesungguhnya doa yang dipohon pada hari pengisytiharan kemerdekaan itu telah dijawab dan dimakbulkan oleh ILAHI hingga negara ini dilimpahi segala rahmat, aman-makmur lagi sejahtera. Namun orang Melayu hendaklah memahami dan mendalami Firman ALLAH Subhanahu Wata’ala dalam ayat 53 *Surah Al-Anfaal*, bermaksud:

“...sesungguhnya ALLAH tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dikurniakan Nya kepada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan (ingatlah) sesungguhnya ALLAH Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.⁴³

⁴² *Al-Quran*, Surah Hud (11:118-119)

⁴³ *Al-Quran*, Al-Anfaal (8:5)

35. Bangsa Melayu yang terus bercakaran tidak akan menjadi bangsa yang kuat; umat Islam yang terus berkonflik tidak akan berupaya menjunjung ketinggian Islam. Bangsa yang kuat adalah bangsa yang teguh imannya dan berpegang sepenuh keyakinan kepada kebenaran dan keesaan ILAHI, pandangannya tidak kabur meski sebesar mana umpan di mata, imannya tidak luntur meski seberat mana beban melanda. Semoga ALLAH Subhanahu Wata'ala mengukuhkan kekuatan dalaman umat Melayu untuk cekat melakukan yang makruf dan gigih mencegah yang mungkar, serta ditunjukkan jalan yang mendapat keredaan daripada Nya juga.

Dengan kalimah Bismillahi Rahmani Rahim, Beta merasmikan Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ